



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 Disember 2022
23 Jamadilawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Ikan liar jadi haiwan peliharaan
Sinar Harian	•
The Star	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		20	18.12.2022



PHUC tinggal di Long Kien, Sungai Mekong, Vietnam iaitu destinasi percutian popular dalam kalangan pelancong tempatan dan luar negara.



IKAN liar yang diberi makan oleh Phuc terdiri daripada spesies keli, haruan dan bawal putih.

Ikan liar jadi haiwan peliharaan

SIAPA sangka, tindakan mulia seorang lelaki memberi makanan kepada ikan-ikan di sebatang sungai yang terletak berhampiran kediamannya telah tular dalam media sosial baru-baru ini.

Seorang lelaki di Vietnam, Muoi Phuc, 52, dikatakan menjaga dan memberi makan kepada ikan-ikan sungai yang datang ke rumahnya pada setiap hari.

Dia yang tinggal di Long Kien, Sungai Mekong iaitu destinasi popular dalam kalangan pelancong tempatan dan luar negara menerima kunjungan lebih 10,000 ikan pada setiap hari untuk mendapatkan makanan.

Malah, ramai pelawat yang berkunjung ke kediamannya untuk melihat aksi Phuc memberi makanan kepada ikan-ikan tersebut.

PHUC mula memberi makan kepada ikan-ikan liar di depan rumahnya sejak dua tahun lalu.



PHUC memberi makanan berupa palet kepada ikan-ikan liar yang menunggu di depan rumahnya.

Pada awalnya, Phuc menerima kehadiran beberapa ekor ikan sahaja yang menunggu untuk diberi makan.

Bagaimanapun, sejak dua tahun lalu, jumlah itu meningkat kepada ribuan ikan yang akan muncul di tepi sungai untuk menunggu lelaki berkenaan menaburkan makanan.

Menariknya, terdapat segelintir penduduk tempatan yang cuba memberi makanan kepada ikan-ikan tersebut.

Bagaimanapun, ikan-ikan tersebut hanya berhenti di rumah Phuc untuk makan.

Menurut Phuc, dia mula memberi makanan kepada ikan-ikan tersebut sejak Tahun Baharu Vietnam 2020 yang dipanggil sebagai Tet.

"Ketika itu, kami mahu menyambut perayaan Tet dan saya singah sebentar di rumah untuk membawa nasi kepada datuk dan nenek saya.

"Ketika melihat ke luar tingkap rumah, saya dapati ada beberapa ekor ikan yang melompat ke atas permukaan air dengan mulut terganggu. Ia seolah-olah sedang meminta makanan daripada saya," ujarnya.

Kemudian, Phuc mengambil beberapa genggam makanan tik yang ada di rumahnya, sebelum diberikan kepada ikan-ikan yang lapar tersebut.

Selepas itu, dia meneruskan urusannya seperti biasa, namun keesokan harinya, dia ternampak ikan-ikan itu datang lagi meminta makanan daripadanya.

Sejak itu, kumpulan ikan-ikan tersebut mula mengunjungi rumah Phuc pada setiap hari untuk mendapatkan makanan.

Bermula daripada 12 ekor ikan sehari, kumpulan ikan itu kemudiannya membesar sehingga beribu-ribu.

Untuk makluman, ikan tersebut terdiri daripada pelbagai spesies seperti keli, haruan dan bawal putih yang agresif.

Tiada sesiapa tahu dari mana ikan-ikan tersebut datang dan sebab kumpulan itu hanya hadir ke rumah Phuc berbanding ribuan kediaman lain yang terdapat di sekitar Sungai Mekong.

Jelas Phuc, biarpun gembira dengan kehadiran ikan-ikan tersebut ke rumahnya, namun dia juga bimbang kerana terdapat beberapa individu yang cuba mengambil kesempatan.

Dia memaklumkan, terdapat beberapa individu mahu menebarkan jala untuk menangkap ikan-ikan tersebut.

"Setiap kali saya memberi makan, banyak bot pemancing berhenti di sini untuk mendapatkan ikan-ikan ini, namun ikan-ikan ini tidak makan umpan pemancing.

"Begitupun, saya dan bapa akan berjaga secara bergilir-gilir pada setiap malam bagi memastikan tiada individu yang cuba menangkap ikan-ikan ini," katanya.